

**USUL**  
**PERATURAN MESYUARAT 17 BAHARU**  
**KAMAR KHAS**  
**DEWAN RAKYAT M1P5PAR13**

<b>TARIKH</b>	<b>14.3.2017 (SELASA)</b>
<b>AHLI YANG BERUCAP</b>	<b>YB OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]</b>
<b>MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB</b>	<b>YB MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR</b>
<b>TAJUK UCAPAN</b>	<b>MASALAH BANJIR DI SG BIDUT, SIBU SARAWAK</b>

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin membawa perhatian kepada dewan yang mulia ini dengan isu banjir di seluruh kawasan Sungai Bidut, Sibu, Sarawak. Kawasan-kawasan yang terlibat dalam kes banjir ini ialah Sungai Bidut, Empawah, Bukit Lan, Ensurai Hulu dan Hilir, Lebaan Hulu dan Hilir, Engkilo, Sadit dan lain-lain.

Banjir sudah berlaku selama bertahun-tahun, terutamanya pada musim hujan, iaitu hujung tahun sehingga awal tahun. Faktor-faktor yang mengakibatkan banjir berlaku adalah seperti berikut:

Faktor pertamanya ialah jalan sebagai tembok. Walaupun pihak Kerajaan pernah menjalankan projek untuk meningkatkan paras jalan di tepi sungai supaya ia boleh dijadikan sebagai tembok untuk menghalang air sungai mengalir masuk ke dalam pedalaman sebagai satu langkah untuk mengelakkan banjir berlaku. Tetapi projek tersebut sudah gagal. Walaupun air sungai tidak dapat masuk ke pedalaman tetapi air di sebelah dalam

tembok pun tidak dapat keluar, ia mengakibatkan banjir berlaku selepas hujan selama beberapa jam. Kawasan Lebaan merupakan kawasan yang paling serius.

Faktor kedua ialah pintu air yang rosak atau tidak berfungsi. Dalam projek pencegahan banjir tersebut beberapa pintu air telah dibina untuk mengawal paras air dan melepaskan air dari sebelah dalam tembok ke dalam sungai. Tetapi kebanyakan pintu air tersebut sudah rosak atau tidak berfungsi. Ia tidak dapat mengawal paras air di dalam tembok, akhirnya mengakibatkan banjir.

Faktor ketiga ialah parit-parit di kawasan Sungai Bidut tidak dibersihkan mengikut jadual. Parit-parit di sesetengah kawasan Sungai Bidut sudah lama tidak dibersihkan. Parit-parit tersebut penuh dengan rumput-rumpai dan sampah-sarap dan menyebabkan air parit tidak mengalir dengan lancar dan dilepaskan ke dalam sungai. Ia mengakibatkan banjir berlaku apabila hari hujan.

Faktor keempat ialah pelepasan air dari Empangan Hidro Bakun pada masa yang tidak bersesuaian, terutamanya pada musim hujan dan ketika musim air pasang yang paling tinggi.

Banyak jalan raya di kawasan Sungai Bidut selalu dilanda banjir ketika air sungai pasang dan selepas hujan selama beberapa jam. Banjir tersebut telah menjejaskan laluan penduduk dan pekerja di Jalan tersebut. Penduduk tidak dapat pergi ke Bandar kerja dan menghantar anak-anak mereka pergi ke sekolah.

Sehubungan dengan itu, saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya dapat mengkaji semula tentang projek pencegahan banjir di kawasan Sungai Bidut

dan memberi peruntukan untuk menjalankan pemulihan dan meningkatkan jalan yang selalu dilanda banjir, supaya masalah banjir ini dapat diselesaikan dengan selamanya.

Akhirnya, saya ingin tahu sama ada Kerajaan **bersedia untuk memberi bantuan secara tunai kepada pekebun-pekebun yang kehilangan segala hasil kebun mereka dalam banjir baru-baru ini.**

Sekian, terima kasih.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Kawasan yang dinyatakan oleh YB Sibu sebenarnya adalah sangat luas yang melangkaui lebih daripada kawasan Sungai Bidut. Kawasan ini terletak di tebing barat Batang Igan sehingga ke Skim Lebaan yang mana lokasinya terletak jauh di hilir Batang Rajang. Anggaran keluasan kawasan adalah lebih daripada 100 km persegi dan lebih 50% daripada kawasan tersebut adalah kawasan rendah dan tanah gambut. Kawasan rendah di sepanjang sungai sebahagiannya adalah dataran banjir dan sentiasa terdedah kepada kejadian banjir terutamanya semasa air pasang tinggi (*King Tide*).

Kebanyakan jalan-jalan di sepanjang sungai juga terdedah kepada pemendapan jangka panjang (*long term @ periodic settlement*) kerana berada di atas tanah gambut. Ianya memerlukan penyelenggaraan yang lebih kerap dan keadaan ini diburukkan lagi oleh jentera berat yang digunakan oleh kilang-kilang menyebabkan jalan-jalan ini ditenggelami air ketika banjir. Di kawasan Sibu, banjir biasanya berlaku apabila air sungai yang tinggi bertembung dengan air pasang menyebabkan peningkatan paras air di Batang Rajang dan Batang Igan sehingga menyukarkan air banjir di kawasan Sibu untuk dialirkan ke sungai. Keadaan jalan yang tidak sempurna juga mengganggu kelancaran air banjir terutama apabila hujan berlarutan. Sistem saliran menggunakan kaedah pam dapat membantu mengatasi banjir di kawasan tersebut namun ianya memerlukan kos operasi dan penyelenggaraan yang sangat tinggi.

Untuk makluman, pintu kawalan air masih lagi berfungsi namun disebabkan faktor pemendapan tanah yang berlaku menyebabkan air mengambil masa untuk disalurkan keluar daripada skim tersebut ke Batang Rajang.

Untuk makluman juga, Kementerian sedang melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir Bandar Sibu yang akan dilaksanakan secara berfasa. Untuk Fasa 1 telah pun siap pada tahun 2012 dengan kos RM137.1 juta. Skop projek tersebut adalah :

1. meninggi dan menaiktaraf jalan Lanang sepanjang 2.4km;
2. membina Jalan Lanang dengan asas cerucuk sepanjang 1.15 km (piled Embankment);
3. meninggi dan menaiktaraf Jalan Alan sepanjang 0.4km;
4. membina saluran bertutup selebar 1.2m sebagai laluan pejalan kaki di sebelah kiri Jalan Lanang sepanjang 1.9km;
5. membina saluran bertutup selebar 2.5m sebagai laluan pejalan kaki di sebelah kanan Jalan Lanang sepanjang 2.0km; dan
6. membina saluran terbuka 1.2m lebar sepanjang 460m.

Untuk Fasa 2, telah pun disiapkan pada tahun 2015 dengan kos RM47juta. Skop projek adalah:

1. membina 1 buah Rumah Pam (4 nos pump); dan
2. menaiktaraf jalan sepanjang 1km.

Untuk Fasa 3, JPS sedang menilai cadangan teknikal yang dikemukakan oleh pihak Perunding dan didalam peringkat Value Assessment (VA). Dan peruntukan yang diluluskan dalam RMKe-11 adalah sebanyak RM100 juta.

Untuk masalah banjir yang berlaku di Sungai Bidut, Kementerian mengambil perhatian serius akan perkara ini dan mengkaji semula keperluan pelaksanaan tebatan banjir di kawasan tersebut.

Untuk makluman juga, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) sedang dalam proses

memohon peruntukan dalam *Rolling Plan 3* RMKe-11 untuk menjalankan pemulihan kawasan pertanian di Skim Lebaan. Buat masa ini, peruntukan bagi penyelenggaraan sungai hanya melibatkan kawasan Skim Lebaan.

Bagi penyelenggaraan parit dan jalan di kawasan-kawasan Sg Bidut pula, ia adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Luar Bandar Sibu. Beberapa kerja kecil telah dijalankan pada tahun 2011 dan 2012 di sebahagian kecil kawasan yang dinyatakan merangkumi kerja-kerja naiktaraf jalan oleh JKR dan naik taraf sistem perparitan dan beberapa pembentung/ pintu air.

Mengenai pelepasan air Empangan Bakun yang dibangkitkan, semua empangan-empangan di Malaysia mempunyai SOP (*Standard Operating Procedure*) dalam melaksanakan pelepasan air dari empangan. Pelepasan air di Empangan Bakun juga tertakluk kepada kepada SOP (*Standard Operating Procedure*) yang ditetapkan oleh Sarawak Hidro Sdn. Bhd.

Sekian, terima kasih.